# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 12 JUN 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | KPKM SEDIA PERJELAS ISU SUBSIDI PETANI, ELAK KEKELIRUAN, NEGARA, KOSMO -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | 'PETANI, PESAWAH TIDAK AKAN TERKESAN, LAYAK DAPAT SUBSIDI DIESEL, MALAYSIA KINI -ONLINE | |
| 3. | SEMUA PETANI DAPAT SUBSIDI DIESEL -MOHAMAD SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 4. | KADAR INSENTIF PEMBAJAKAN DINAIKKAN RM160 SEHEKTAR SETIAP MUSIM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 5. | 130,000 PESAWAH SEMENANJUNG MALAYSIA TERIMA BANTUAN PEMBAJAKAN, PENUAIAN, NASIONAL, SH -12 | |
| 6. | 130,000 PESAWAH DAPAT INSENTIF MEMBAJAK, MENUAI, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 7. | 130,000 PESAWAH AKAN TERIMA BANTUAN TUNAI RM210 SEHEKTAR, NASIONAL, BH -3 | |
| 8. | PENANAM PADI BIMBANG SEWA JENTERA NAIK, NASIONAL, BH -3 | |
| 9. | PETANI, PESAWAH LAYAK TERIMA SUBSIDI DIESEL, NASIONAL, SH -8 | |
| 10. | MAHA 2024: MEDAN KPKM BINA UPAYA SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, SH -7 | |
| 11. | UMUM HARGA BERAS TEMPATAN SEBELUM MUSIM MENUAI, DALAM NEGERI, UM -4 | |
| 12. | CELEBRATING 100 YEARS OF M'SIAN FARMING HERITAGE, NATION, THE STAR -10 | |
| 13. | LEMBU SADO A POPULAR CHOICE, NATION, THE STAR -9 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 14. | TERENGGANU KELUAR 873 PERMIT SEMBELIH LEMBU KORBAN, DALAM NEGERI, UM -34 | |
| 15. | 10 RUMAH SEMBELIH JPV PENUHI SYARAT ESCAS, LOKAL, HM -8 | |
| 16. | HAIWAN KORBAN IKUT SUMBER SAH, LOKAL, HM -9 | |
| 17. | BANTERAS PENYELUDUPAN GUNA 'JALAN HARAM', LOKAL, HM -9 | |
| 18. | LEMBU SADO HARGA KAYANGAN JADI PILIHAN, NASIONAL, SH -4 | |
| 19. | 400 HAIWAN SELUDUP DIKESAN ADA PENYAKIT, NASIONAL, SH -4 | |
| 20. | TREATMENT IF FARMED LIVESTOCK IN MALAYSIA UNDER SCRUTINY, NATIONAL, THE SUN -4 | |
| 21. | YONG FISHERMEN URGED TO EXPLORE DOWNSTREAM INDUSTRY, NATIONAL, THE SUN -4 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 22. | SATU KES KERACUNAN KUPANG DI MELAKA, DALAM NEGERI, UM -33 | |
| 23. | PENTERNAK RUGI KUPANG TIDAK DAPAT DIJUAL, MELAKA, SH -26 | |
| 24. | SATU KES DISYAKI KERACUNAN KUPANG DI MELAKA, MELAKA, SH -26 | |
| 25. | FISH DEATH MYSTERY IN IPOH, NEWS, THE STAR -4 | |
| 26. | NAFAS UMUM KADAR DIVIDEN SEMBILAN PERATUS, NASIONAL, SH -5 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | KOSMO | NEGARA | 6 |

# KPKM sedia perjelas isu subsidi petani, elak kekeliruan

**SEBERANG PERAI** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berusaha memberi penjelasan berhubung pemberian subsidi diesel kepada golongan petani di negara ini bagi mengelak kekeliruan yang timbul.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pemberian subsidi akan diberikan kepada semua petani termasuk pesawah yang menggunakan diesel.

Menurutnya, penjelasan berhubung perkara tersebut sedang dilaksanakan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah.

"Subsidi diesel sedang berjalan. Semua penanam padi yang menggunakan diesel diberi subsidi termasuk semua sekali. Cuma pendaftaran sedang berjalan.

"Saya yakin benda ini akan berlaku bukan kata keliru, salah faham akta ini dalam masa sebulan sahaja.

"Jadi, pihak kementerian akan bagi penjelasan dan turun bagi memberi penerangan," katanya selepas hadir merasmikan Program Libat Urus bersama Pemimpin Peladang Negeri Pulau Pinang di Nibong Tebal, di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, ketika ini berlaku sedikit kekeliruan mengenai perkara tersebut dalam kalangan petani seluruh negara.

"Namun, saya yakin ini berlaku sementara sahaja dan perkara ini benda baharu yang diperkenalkan di Malaysia yang dipanggil subsidi bersasar, bukan dibuang subsidi," ujarnya.

Terdahulu, media melaporkan kenaikan harga diesel sebanyak RM1.20 seliter akan memberi kesan kepada golongan petani di negara ini, khususnya kepada penanam padi.

Ketua Penerangan Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Mohd. Asyaraf Mustaqim Badrul Munir berkata, kenaikan yang amat tinggi itu sememangnya dikhuatiri akan membebankan para petani.

Pada Ahad lalu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengumumkan harga diesel di Semenanjung ditetapkan RM3.35 seliter, manakala bagi Sabah, Sarawak dan Labuan, bagaimanapun kekal RM2.15 seliter, bermula kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

# 'Petani, pesawah tidak akan terkesan, layak dapat subsidi diesel'



Golongan petani khususnya pesawah padi tidak akan terkesan dengan langkah penyasaran subsidi diesel kerana mereka layak menerima subsidi berkenaan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mengakui wujud kekeliruan berhubung pemberian subsidi diesel dalam kalangan petani, beliau berkata pihaknya akan turun padang memberikan penjelasan mengenai perkara itu.



Mohamad Sabu

"Subsidi diesel sedang berjalan, semua penanam padi yang menggunakan diesel diberikan subsidi... pendaftaran sedang berjalan, saya yakin kekeliruan dan salah faham ini akan berlaku dalam masa sebulan dua ini sahaja," katanya di Nibong Tebal hari ini.

Mohamad berkata demikian kepada pemberita selepas program libat urus bersama pemimpin peladang Pulau Pinang sempena Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan Tasek di Nibong Tebal.

Beliau menjelaskan penyasaran subsidi diesel itu bukan bermaksud subsidi ditarik balik sebaliknya ia diberikan secara bersasar kepada golongan yang layak.




Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menegaskan penyasaran subsidi diesel dilaksanakan untuk memastikan diesel tidak diberi kepada golongan maha kaya dan orang asing.

Sementara itu Mohamad berkata sesi libat urus berkenaan antara komitmen Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara untuk lebih berdaya tahan dan mampan.

Beliau berkata pada tahun ini, KPKM telah memperuntukkan RM3.2 juta merangkumi lima projek sambungan untuk Pulau Pinang melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

ADS

"Peruntukan pembangunan di bawah LPP itu memberi manfaat kepada enam Pertubuhan Peladang Kawasan seluruh Pulau Pinang dan Pertubuhan Peladang Pulau Pinang yang melibatkan 20,301 ahli peladang," katanya.

Beliau berharap bajet pembangunan itu akan menyuntik semangat petani dan peladang di Pulau Pinang untuk terus memainkan peranan proaktif dalam merencanakan industri pertanian dan agromakanan.

- *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

## Semua petani dapat subsidi diesel – Mohamad Sabu



Mohamad Sabu.

NIBONG TEBAL – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Kewangan (MoF) akan turun padang bagi memberi penerangan berhubung pemberian subsidi diesel kepada golongan petani termasuk pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia susulan terdapat kekeliruan dan salah faham berhubung pemberian subsidi diesel tersebut dalam kalangan petani ketika ini.

Jelas beliau, golongan berkenaan tidak terkesan dan akan terus menikmati subsidi kerana kerajaan memperkenalkan subsidi bersasar dan bukannya buang subsidi diesel itu.

"Semua penanam padi yang menggunakan diesel diberi subsidi cuma buat masa ini pendaftaran sedang berjalan dan saya yakin benda itu berlaku kekeliruan dan salah faham dalam masa sebulan dua ini sahaja.

"Kita (KPKM) dan Kementerian Kewangan akan turun padang untuk memberi penjelasan berhubung subsidi diesel itu, malah Menteri Kewangan II (Datuk Seri Amir Hamzah Azizan) sendiri sudah turun ke merata lokasi untuk memberi penjelasan.



Mohamad merasmikan Program Libat Urus beliau bersama Pemimpin Peladang Pulau Pinang sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan Tasek di Nibong Tebal hari ini.

"Penerangan itu juga divideokan dan sampaikan kepada semua pihak termasuk petani, cuma sekarang ini ada sikit kekeliruan saya rasa ia sementara sahaja," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kenaikan harga diesel RM3.35 kini memberi kesan kepada petani.

Terdahulu, Mohamad merasmikan Program Libat Urus beliau bersama Pemimpin Peladang Pulau Pinang sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan

Tasek, di sini.

Pada majlis itu, KPKM memperuntukkan sebanyak RM3.254 juta merangkumi lima projek sambungan untuk Pulau Pinang melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Pemberian itu memanfaatkan enam Pertubuhan Peladang Kawasan seluruh Pulau Pinang dan Pertubuhan Peladang Pulau Pinang dengan melibatkan 20,301 ahli.

*MalaysiaGazette* semalam melaporkan, kenaikan harga diesel sebanyak RM1.20 seliter akan memberi kesan kepada golongan petani di negara ini, khususnya kepada penanam padi.

Ketua Penerangan Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Mohd Asyaraf Mustaqim Badrul Munir berkata, kenaikan yang amat tinggi itu sememangnya dikhuatiri akan membebankan para petani.

"BUDI Agri-Komoditi seakannya mengetepikan segmen penanam padi dengan tidak memperhalusi mekanisme pemberian subsidi sekaligus menindas para pesawah dan akan menyebabkan segala hal akan ditanggung petani dalam ekosistem yang hanya memenangkan cukong (kapitalis)," katanya. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Kadar insentif pembajakan dinaikkan RM160 sehektar setiap musim




Pengusaha sawah padi membajak kawasan sawah bagi memulih keadaan tanah sebagai persiapan sebelum benih padi ditabur ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette di Kampung Tok Raja, Jerteh, Terengganu. Foto Arkib MalaysiaGazette

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) naikkan kadar insentif pembajakan daripada RM100 sehektar setiap musim kepada RM160 per hektar per musim.

Menurutnya, insentif penuaian juga diperkenalkan pada kadar RM50 sehektar pada setiap musim.

"Melalui kedua-dua insentif ini, pesawah akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 sehektar setiap musim," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Pada 27 Mei 2024 lalu, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengumumkan pelaksanaan Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) termasuklah kategori BUDI Agri-Komoditi kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang berkelayakan.

Manakala, KPKM pula turut subsidi diesel kepada nelayan dikekalkan dan mengumumkan kenaikan kadar insentif pembajakan serta pengenalan insentif baharu penuaian kepada pesawah. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# 130,000 pesawah Semenanjung Malaysia terima bantuan pembajakan, penuaian

**SHAH ALAM-** Seramai 130,000 orang pesawah di Semenanjung Malaysia akan menerima bantuan insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar pada setiap musim.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan berkata, inisiatif pembajakan akan ditambah daripada RM100 kepada RM160 per hektar bagi setiap musim.

"Melalui kedua-dua insentif ini, pesawah akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 per hektar per musim.

"KPKM turut memperkenalkan insentif baharu iaitu insentif penuaian pada kadar RM50 per hektar per musim," katanya pada Selasa.

Pada 27 Mei lalu, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengumumkan pelaksanaan Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani).

Bantuan itu termasuk kategori Budi Agri-Komoditi kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang berkelayakan.

Sementara itu, menurut KPKM, selain bantuan kepada pesawah, subsidi diesel nelayan turut dikekalkan.



**KPKM bakal beri bantuan insentif pembajakan dan insentif penuaian kepada pesawah di Semenanjung Malaysia.** ***Gambar hiasan.***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2024 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# 130,000 pesawah dapat insentif membajak, menuai

Selang dua hari harga diesel diapungkan menerusi pelaksanaan subsidi bersasar, kerajaan memberi berita gembira untuk ringankan beban 130,000 penanam padi di Semenanjung apabila menaikkan kadar insentif pembajakan serta pengenalan insentif penuaian berjumlah RM210 sehektar bagi setiap musim penanaman.

*Oleh Mohamed Farid Noh dan Nur Izzati Mohamad* → Nasional 3



**RM160** Insentif pembajakan dinaikkan berbanding RM100 sehektar semusim sebelum ini

**RM50** Insentif baharu penuaian sehektar setiap musim

KPDN beri amaran syarikat penunda, pengeluar bahan binaan jangan ambil keuntungan berlebihan susulan kenaikan harga diesel

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Petani, pesawah layak terima subsidi diesel

**NIBONG TEBAL -** Golongan petani khususnya pesawah padi tidak akan terkesan dengan langkah penyasaran subsidi diesel kerana mereka layak menerima subsidi, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mengakui wujud kekeliruan berhubung pemberian subsidi diesel dalam kalangan petani, beliau berkata, pihaknya akan turun padang memberikan penjelasan mengenai perkara itu.

"Subsidi diesel sedang berjalan, semua penanam padi yang menggunakan diesel diberikan subsidi. Pendaftaran sedang berjalan, saya yakin kekeliruan dan salah faham ini akan berlaku dalam masa sebulan dua ini sahaja," katanya.

Beliau menjelaskan, penyasaran subsidi diesel itu bukan bermaksud subsidi ditarik balik sebaliknya ia diberikan secara bersasar kepada golongan yang layak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# MAHA 2024: Medan KPKM bina upaya sektor pertanian

## Tingkat penggunaan teknologi, aplikasi inovasi

Oleh DIANA AZIS
SERDANG

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mahu merealisasikan aspirasi meningkatkan lagi penggunaan teknologi moden dalam kalangan para petani dan pengusaha pertanian tempatan menerusi penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024.

Aspirasi itu dinyatakan Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, yang mana MAHA 2024 dijadualkan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini pada 11 hingga 22 September depan dengan tema 'Menuai Harapan, Membina Masa Depan' bersempena 100 tahun penganjurannya.

"Melalui pameran ini, pengunjung dan pemegang taruh akan merasai pengalaman secara langsung aplikasi inovasi seperti pertanian pintar, penggunaan data besar dan automasi yang dalam operasi harian sektor pertanian.

"Malah, MAHA 2024 juga perlu menjadi platform untuk mempromosikan produk pertanian tempatan ke pasaran antarabangsa," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran MAHA 2024 di MAEPS, di sini pada Isnin.

Tambah Mohamad, pihaknya yakin produk-produk usahawan tempatan mampu menembusi pasaran global menerusi penyertaan delegasi dan pelabur antarabangsa, sekali gus meningkatkan pendapatan para petani dan pengusaha tempatan.

Malah, MAHA 2024 katanya turut memfokuskan kepada galakkan amalan pertanian lestari supaya usaha memelihara alam sekitar serta kelestarian sumber pertanian dapat dilaksanakan secara meluas.

Justeru, beliau berhasrat untuk memastikan pertanian yang dilaksanakan tidak hanya memenuhi keperluan masa kini tetapi dapat diwarisi untuk generasi akan datang.

"Selain daripada fokus berkenaan, MAHA 2024 turut memberi penekanan kepada 'Internet of Things' (IoT) dalam pertanian, perikanan, penternakan dan perladangan.

"Saya juga ingin menekankan bahawa sektor pertanian bukan tentang pengeluaran makanan semata-mata, ia juga merangkumi aspek ekonomi, sosial dan ekologi yang lebih luas.

"Oleh itu penting untuk kita mengintegrasikan semua aspek ini dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pertanian negara," ujarnya.

FOTO ROSLI TALIB




Mohamad (dua dari kanan) bergambar replika tugu MAHA 2024 yang merupakan penganjuran edisi ke-100 sambil disertai Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali (kanan).



MOHAMAD

### Inisiatif baharu dan sasaran

Sementara itu Mohamad memaklumkan, MAHA 2024 akan melaksanakan beberapa pendekatan baharu yang bersifat interaktif, selari dengan minat generasi masa kini.

Beliau menjelaskan, antara fokus lain bagi acara itu termasuk pertunjukan teknologi dalam pertanian, penekanan elemen agro pelancongan, penerapan elemen kemampanan yang selaras dengan 'Sustainable Development Goals' (SDGs).

Oleh yang demikian, beliau menggariskan enam petunjuk prestasi utama (KPI) melibatkan sasaran pengunjung seramai minimum tiga juta, nilai jualan sekurang-kurangnya RM40 juta dan nilai potensi pembiayaan berjumlah RM600 juta atau sekurang-kurangnya 4,000 permohonan.

Selain itu, turut ditetapkan adalah nilai perjanjian persefahaman sekurang-kurangnya RM6 bilion, bilangan pempamer melebihi 2,000 syarikat dan jumlah 'outreach' menerusi media sosial sebanyak 10 juta orang.

"Bagi memastikan KPI yang ditetapkan tercapai, diharapkan kerjasama daripada semua pihak untuk melaksanakan strategi khusus serta komprehensif.

"Semua warga KPKM perlu bersama-sama berusaha untuk memastikan KPI yang ditetapkan ini dapat dicapai dengan sempurna," katanya.

Sementara itu, Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurihanmi Zakariya memaklumkan, kerja-kerja menaik taraf di sekitar MAEPS sedang giat dilaksanakan ketika ini menerusi 18 pakej pengubahsuaian.

"Inisiatif ini adalah untuk mengubah wajah MAEPS untuk disesuaikan dengan MAHA 2024 yang merupakan penganjuran edisi ke-100," katanya yang mana kesemua kerja itu dijangka siap pertengahan Ogos depan.

100 TAHUN Maha 2024 Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia



MOHAMAD (kanan) beramah mesra bersama para peserta peniaga dan usahawan 'Road To MAHA 2024' yang akan bermula pada 11 hingga 22 September depan.

## REAKSI



*"Peluang sertai pameran 'Road to MAHA 2024' beri pengalaman terbaik kerana saya dapat tahu produk yang diminati pengunjung."*

- Viitoria Lien
Eksekutif Jualan Heritaste.



*"Sebagai usahawan bimbingan FAMA dan MARDI, peluang membuka gerai di MAHA beri peluang untuk saya besarkan segmen pelanggan."*

- Hashima Hassan
Pengasas Shimaz Tumisan Bonda.



*"Sebagai peniaga kecil-kecilan, MAHA menjadi platform kepada kami memperluaskan pasaran durian kepada lebih ramai pelanggan sekali gus menjana lebih pendapatan."*

- Muhammad Hafizul Iezuan Hasrin
Pemilik Durian Abang Sham.



*"Acara besar seperti MAHA menjadi satu batu loncatan untuk memperkenalkan produk tempatan yang kurang mendapat perhatian pelanggan."*

- Mohd Noor Hapizin
Pemilik Ayah Susu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Umum harga beras tempatan sebelum musim menuai

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Penetapan kenaikan harga siling beras putih tempatan (BPT) perlu dibuat selewat-lewatnya penghujung Julai atau awal Ogos ini, iaitu sebelum pesawah menuai hasil musim ini.

Langkah itu sejajar dengan jadual penanaman padi khususnya di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang yang mula menunai hasil pada pertengahan Ogos sehingga September.

Jika kerajaan mengumumkan kenaikan harga siling BPT pada Oktober, ia boleh menyebabkan pengilang tidak berani menawarkan harga padi terbaik kepada para pesawah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, pengumuman lebih awal itu bakal memberi keadilan kepada pengilang serta pesawah sendiri dan kerajaan diharapkan mempertimbangkan perkara tersebut.

Selain itu, katanya, harga siling baharu beras tempatan yang ideal dicadangkan ditetapkan oleh kerajaan ialah RM36 ke RM37 bagi berat 10 kilogram (kg) selain menyeragamkan harga berkenaan dengan beras import.

Ujarnya, jika tidak diseragamkan harga, dikhuatiri isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran akan terus berulang selain tidak berupaya menyelesaikan masalah manipulasi menukarkan gred beras tempatan kepada import oleh pihak tidak bertanggungjawab.



PENETAPAN kenaikan harga siling beras putih tempatan dicadang perlu dibuat selewat-lewatnya penghujung Julai atau awal Ogos sebelum pesawah menuai hasil musim ini. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

"Kerajaan juga perlu menyeragamkan harga beras tempatan dan import itu, kalau tidak kenaikan itu akan jadi sia-sia sekiranya beras tempatan masih 'hilang' di pasaran.

"Kenaikan itu bagi menyelesaikan isu penipuan gred beras ini kerana apa yang berlaku ketika ini (ketiadaan beras tempatan) disebabkan penipuan yang berlaku disebabkan pihak-pihak tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, keputusan mengenai kenaikan harga siling beras putih tempatan akan dimuktamadkan dan diumumkan sebelum Oktober ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, cadangan itu sedang diperhalusi dan kini dalam perbincangan di peringkat akhir bersama beberapa kementerian.

Ketika ini harga beras tempatan dijual RM2.60 sekilogram atau RM26 bagi kampit 10 kilogram. Syor menaikkan harga beras tempatan itu perlu selepas lebih 15 tahun harganya tidak disemak.

Pihak pengilang juga terpaksa menanggung kerugian besar disebabkan harga siling beras tempatan yang rendah itu, manakala pesawah turut berdepan situasi sama di sebalik kenaikan kos input pertanian dan operasi tanaman.

Sementara itu, Marzukhi berkata, kenaikan harga beras tempatan pada harga yang dicadangkan RM36 ke RM37 itu tidak akan membebankan pengguna memandangkan ketika ini mereka juga perlu mengeluarkan perbelanjaan sama membeli beras import memandang ketiadaan beras tempatan di pasaran sejak sekian lama.

Katanya, setiap keluarga membabitkan lima orang menggunakan beras sekurang-kurangnya 650 gram sehari bagi dua kali makan atau memerlukan 20 kilogram setiap bulan dengan harga kira-kira sekitar RM70 sahaja.

Ujarnya, di sebalik kenaikan pelbagai harga barangan sebelum ini, beras tempatan masih dengan harga sama RM26 sejak belasan tahun lalu dan sudah tiba masanya dinaikkan yang dianggap realistik dengan situasi semasa.

"Selain itu, cadangan harga tersebut juga dilihat memberi situasi menang-menang kepada pengilang dan pesawah yang terus terkesan dengan kos operasi dan penanaman padi yang terus meningkat," katanya.

Tambah Marzukhi lagi, isu ketiadaan beras tempatan di pasaran sepatutnya tidak berlaku memandangkan pengeluaran beras negara ketika ini sebanyak 1.6 juta tan metrik setahun berbanding import 1.1 juta tan metrik.

"Bagi menampung keperluan 3.5 juta rakyat Malaysia, sebanyak 2.8 juta tan metrik makanan ruji tersebut diperlukan setahun," katanya.

Sementara itu, bagi golongan pesawah pula mereka turut mencadangkan agar beras putih tempatan dan import bagi berat 10 kilogram diselaraskan kepada RM36.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | THE STAR | NATION | 10 |

# CELEBRATING 100 YEARS OF M'SIAN FARMING HERITAGE

## Agriculture and Food Security Ministry announces international exhibition MAHA 2024

**By M. IRSYAD**
**and TEH ATHIRA YUSOF**
newsdesk@thestar.com.my

**SERDANG:** This year's Malaysia Agricultural, Horticulture and Agrotourism (MAHA2024) will focus on the food security sector that could attract the younger generation's participation as it moves towards a competitive, innovative and contemporary era.

The Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said MAHA2024, which will also celebrate its 100-year anniversary, carries the theme "Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom", highlighting technological advancement in the field with artificial intelligence (AI).

"With climate change, increase of populations and the global market instability, we need to continue to look for solutions to increase our efficiency in the agriculture sector.

"Based on this year's theme, our main aspirations are to increase the awareness on modern agriculture technology among farmers and entrepreneurs.

"Through this exhibition, visitors and stakeholders will be able to experience firsthand how innovative applications such as smart agriculture, the use of big data and automation can be applied in their daily operations," he said when launching the exhibition at Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS) on Monday.




Mohamad Sabu says that MAHA2024 aims to showcase the growth of technology in the agricultural industry and how it improves food security. — YAP CHEE HONG/The Star

Since 1923, MAHA has become South-East Asia's premier agricultural exhibition showcasing a century worth of innovation and resilience in the farming sector while promoting sustainable practices.

Mohamad said since its formation, MAHA has been the catalyst to narrow the gap between the rural and urban areas in the country.

He also expressed hope for the exhibition to encourage sustainable agriculture practices to preserve future farming resources.

"I hope that the agricultural practices we implement would not only benefit us but can be inherited by the next generation," he said.

Mohamad added that MAHA2024, which will be held from Sept 11 to 22 at MAEPS, must be the platform to promote local farming products to the international market.

"With the participation of more than 29 countries, MAHA2024 aims to showcase the growth of technology in the agricultural industry and how it improves food security in a rapidly evolving ecosystem.

"As we invite more foreign delegates and investors to MAHA this year, we hope that it can be a platform to boost local products at a global level," he added.

Mohamad said the MAHA Go Global programme would provide opportunities for more than 180 international companies, involving farming technologies.

The programme, he said, would allow matching businesses with local entrepreneurs and potentially bring in investors to the country's agrofood sector.

"We are lucky to have international companies visiting the exhibition. It is an opportunity for us to learn from our colleagues on food security as it is a global issue," he said.

Mohamad also emphasised that the agricultural sector is not only about food production, but also includes broader economic, social and ecological aspects.

"Hence, it is important for us to integrate all of these aspects in the planning and implementation of the nation's agriculture policies," he said.

"With the challenges of climate change, population growth and global market instability, we need to continue to find ways to improve efficiency and effectiveness in the agricultural sector.

"To farmers, entrepreneurs and all agricultural industry activists, I call on you all to take this opportunity to learn the latest technologies and practices that will be exhibited at MAHA2024.

"Make this exhibition a platform to share experiences, exchange ideas, and find potential business partners," he said.

Mohamad also targeted RM6bil worth of potential investments from memorandums of understanding (MoU) and memorandums of agreement (MoA).

He also set a target for trade of up to RM40mil to be generated through sales activities during the nine-day public exhibition and three-day trade show.

The minister added that he expects three million visitors throughout the event as well as 2,000 exhibitors and agricultural entrepreneurs as participants.

"We are targetting potential funding worth RM600mil or 4,000 applications.

"The target for exhibitors is more than 2,000 while the social media outreach target is 10 million people," he said.

In 2022, MAHA recorded an attendance of over one million visitors, with 33 MoU and MoA worth RM5.64bil signed.

The upcoming exhibition will also bring in international participants through a wide array of forums and seminars led by prominent speakers in the field.

There will also be fun activities at the exhibition, namely Magical at Night and 3D Water Show; Rhythm of Farmers; Sunflower and Orchid Garden; Motorhomes and Glamping, as well as Floating Market.

**For more information on MAHA2024, visit https://mahaofficial.my/maha-2024/**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | THE STAR | NATION | 9 |

# Lembu sado a popular choice

## Despite their five-figure price tag, they are sought after for Aidiladha



**Prized cow:** Paksu Mie with one of his 'lembu Sado' at Pantai Senok in Bachok, Kelantan. According to him, the gigantic size of the cow is an attraction not only because of its larger size compared to local cows, but also because it tastes better and more tender when cooked. – Bernama

**BACHOK:** During Hari Raya Aidiladha, some celebrants seek out a particularly impressive sacrifice: the "lembu sado", which is a breed of cattle known for its size.

Breeder Noraimi Hasan, 53, known as Paksu Mie, explains why these hefty bovines are a popular choice, despite their five-figure price tag.

"Size is definitely a key factor," says Paksu Mie.

These cattle, he said, are prized for their meat as well.

Once cooked, it's said to be more tender and flavourful than that of regular-sized local cattle.

He said two out of nine gigantic cows on his farm, each weighing more than 700kg and priced at almost RM11,000, have already been sold to buyers in Kota Baru to be sacrificed on Aidiladha, which falls on June 17.

"It is not uncommon for buyers to come looking for gigantic cattle to be sacrificed on Aidiladha as the bigger the cattle, the more meat it will have, other than the fact that it is indeed tastier.

"Normally, lembu sado is sold for about RM1,300 to RM1,500 per part, depending on its size. Since it is big, it needs at least eight men to bring it down for slaughtering," he told Bernama when met at his house at Pantai Senok here.

Paksu Mie has been breeding these behemoths for six years now. He focuses on Charolais and Limousin breeds, which fetch a higher price than local cattle.

He started with a modest investment of RM4,000 to buy a Charolais cow and the business has grown steadily.

"In order to ensure that these cows continue to bear calves, we resort to artificial insemination.

"This procedure is done using semen imported from France and Ireland, with the help of the Veterinary Department," he said.

Paksu Mie said he allocated around RM10 per day for each of his cattle to be given bran and grass in the morning and evening with the quantity depending on their size.

"Among the constraints of rearing this type of cattle are the high cost of food in addition to the risk of contracting foot-and-mouth (FMD) disease.

"To reduce the risk of this infection, I make sure that each cow or bull is injected with the FMD vaccine every three or four months which costs me around RM70," he said.

A cattle buyer, Mohd Izwan Seman, 31, said it has been an annual routine for him for the past three years.

"I've made it a tradition to purchase a lembu sado during Aidiladha.

"Although the price is more expensive than local cattle, I think it is worth it because the meat is abundant and can be distributed to more people," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 34 |

# Terengganu keluar 873 permit sembelih lembu korban

**KUALA TERENGGANU:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengeluarkan 873 permit sembelihan luar melibatkan 2,053 ekor ternakan bagi ibadah korban tahun ini.

Pengarahnya, Dr. Anun Man berkata, permintaan itu dijangka meningkat pada saat-saat akhir sambutan Hari Raya Aidiladha.

Menurutnya, JPV Terengganu juga meluluskan 65 permit pemindahan masuk ternakan ke negeri ini membabitkan 1,759 ekor ruminan sejak permohonan dibuka pada 26 Mei lalu.

Katanya, bekalan ternakan ibadah korban di Terengganu dijangka mencukupi antara 5,000 sehingga 7,000 ekor ruminan yang disediakan pembekal dengan 96 peratus daripadanya ternakan lembu.

"Selain itu, 106 pegawai teknikal dan 19 pegawai penguat kuasa akan ditempatkan di lokasi sembelihan bagi memastikan ternakan bebas daripada sebarang penyakit," katanya di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anun menasihatkan umat Islam berhati-hati memilih haiwan ternakan bagi melaksanakan ibadah korban dengan mengelak membeli ruminan yang tidak pasti dari mana sumbernya.

Beliau berkata, daripada enam kes rampasan haiwan seludup sepanjang tahun ini, dua didapati positif *brucellosis,* iaitu penyakit zoonotik yang boleh menjangkiti manusia.

Jelasnya, JPV Terengganu turut mengesan peningkatan aktiviti penyeludupan ruminan dari negara jiran sekali gus menambah risiko jangkitan bukan sahaja kepada ternakan lain bahkan manusia.

"Sejak 2023, sebanyak 30 kes rampasan direkodkan bernilai lebih RM2.6 juta dan terbaharu dua kes pada bulan lalu di Setiu dan Dungun kita mengesan kes penyakit zoonotik pada lembu dan kambing seludup," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |



PEKERJA ladang SH Eass Agro di Kampung Kemensah Kuala Lumpur sibuk dengan persiapan untuk pelanggan yang menempah lembu untuk ibadat korban

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menasihati orang ramai yang berhasrat menjalankan ibadat korban pada Aidiladha ini dengan menggunakan haiwan hidup import seperti lembu supaya mendapatkannya daripada sumber sah.

Ketua Pengarah Maqis Shamsul Akbar Sulaiman berkata, keperluan mematuhi prosedur import dan memperoleh bekalan seperti lembu dan haiwan korban daripada sumber sah, antaranya adalah untuk menjamin bebas daripada penyakit berjangkit.

Beliau berkata, pihak Maqis komited dalam memastikan proses pengimportan, kuarantin dan bekalan binatang hidup seperti lembu untuk ibadat korban berjalan lancar serta dapat memenuhi keperluan Aidiladha.

"Ancaman terbesar kemasukan ternakan seperti lembu dari luar negara tanpa kawalan penyakit dan pemeriksaan kuarantin akan membawa masuk pelbagai penyakit ternakan.

"Contoh, pada pertengahan 2021, negara dikejutkan dengan kemasukan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang disebabkan oleh virus *Capripox*.

"LSD ini berpunca daripada ternakan lembu yang dibawa masuk dari negara jiran. Walaupun penyakit ini tidak bersifat zoonotik atau tidak menjangkiti manusia, namun ia boleh melumpuhkan industri ternakan sekiranya tidak dikawal," katanya.

# 10 rumah sembelih JPV penuhi syarat ESCAS

Kuala Lumpur: Sempena Aidiladha, 27 rumah sembelih Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di seluruh Semenanjung sedia untuk beroperasi dan 10 daripadanya sudah memenuhi syarat *Export Supply Chain Assurance System* (ESCAS) bagi tujuan penyembelihan ternakan import dari Australia.

Pada kenyataan kepada Harian Metro, JPV berkata, penyembelihan yang dijalankan di luar rumah sembelih, sebagai contoh masjid, sekolah, taman perumahan dan lain-lain diberi kebenaran melalui permohonan permit penyembelihan luar.

Katanya, permit penyembelihan luar juga boleh dipohon di JPV negeri, daerah dan rumah sembelih JPV.

"JPV juga sudah menerbitkan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban untuk dijadikan panduan. Ia mengambil kira aspek kebajikan haiwan, keselamatan makanan dan undang-undang, peraturan mengenai pemantauan ternakan korban, premis penyembelihan, operasi penyembelihan serta pengurusan sisa ternakan untuk mengelakkan risiko jangkitan penyakit zoonotik.

"Syarat-syarat perlu dipatuhi oleh rumah-rumah penyembelihan dan di luar rumah sembelih mengikut perundangan.

> **"JPV juga sudah menerbitkan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban untuk dijadikan panduan"**
>
> *Jabatan Perkhidmatan Veterinar*

"Mana-mana operasi di rumah penyembelihan perlu dilesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993.

"Manakala, penyembelihan di luar rumah penyembelihan diluluskan atau dilesenkan perlu mendapat permit penyembelihan luar seperti yang dinyatakan dalam Kaedah 13 (1) (a) (b) (c) (d), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, JPV mewajibkan lesen rumah sembelih swasta dan juga permit sembelihan luar bertujuan bagi kawalan penyakit berjangkit daripada merebak, kawalan pencemaran dan memastikan karkas/daging yang dikeluarkan untuk kegunaan orang awam adalah selamat untuk dimakan.

JPV berkata, Permit Sembelihan Luar (PSL) boleh dimohon dua minggu sebelum Aidiladha sehingga 20 Jun ini (13 Zulhijjah 1445H).

"Lesen rumah sembelih swasta boleh dipohon dengan mengisi borang permohonan di https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/1982

"Bagi permohonan permit sembelihan luar, pemohon perlu merujuk Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah ketika mendapatkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) ternakan bagi lokasi pengeluaran permit sama ada perlu dimohon di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Rumah Sembelih Jabatan yang terdekat," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |



ELAK PENYAKIT BERJANGKIT

# HAIWAN KORBAN IKUT SUMBER SAH

nya.

Beliau berkata, pada dasarnya, kategori ternakan haiwan yang dibawa masuk menerusi pengimportan bagi tujuan korban adalah lembu dan kambing.

Shamsul Akbar berkata, negara mengimport secara purata kira-kira 40,000 lembu dan 20,000 kambing setahun bagi menampung keperluan dalam negara.

"Jangkaan peningkatan kemasukan ternakan hidup membabitkan lembu dan kambing terutama dari Thailand sempena Aidiladha adalah perkara biasa yang berlaku setiap tahun.

"Berdasarkan data kemasukan import pada Mei lalu, 6,400 lembu sudah dibawa masuk dengan peningkatan kira-kira 45 peratus daripada purata import pada bulan-bulan sebelumnya.

"Kemasukan kambing/bebiri pula merekodkan 2,700 ekor, peningkatan kira-kira 35 peratus," katanya.

Beliau berkata, susulan daripada jangkaan peningkatan kemasukan ternakan dari Thailand sempena Aidiladha, Maqis sudah melaksanakan susun atur gerak kerja dengan memastikan kemudahan pusat kuarantin yang mencukupi.

Menurutnya, pihaknya turut akan menggerakkan pegawai Maqis dari negeri lain sekiranya diperlukan untuk membantu pasukan penguat kuasa di negeri yang menerima kemasukan lembu yang tinggi seperti Kedah, Perlis dan Kelantan.

"Semua pegawai ini akan terbabit dalam aktiviti penguatkuasaan dan kuarantin, khususnya di stesen dan premis kuarantin. Ini disebabkan oleh peningkatan aktiviti persampelan darah lembu bagi tujuan saringan penyakit.

"Keutamaan Maqis adalah bagi memastikan lembu yang dibawa masuk bebas daripada penyakit, justeru Maqis akan menjalankan persampelan darah bagi tujuan diagnosis penyakit.

"Ini sebagai langkah kawalan memastikan risiko ancaman penyakit dikurangkan dan bekalan lembu bagi sembelihan Aidiladha bebas penyakit dan mencukupi," katanya.



"LSD ini berpunca daripada ternakan lembu dari negara jiran" — Shamsul Akbar

## Banteras penyeludupan guna 'jalan haram'

**Kuala Lumpur:** Menjelang Aidiladha, haiwan korban mula diimport untuk memenuhi keperluan tempatan dengan pengimportannya melalui proses sah.

Namun, ada juga yang menggunakan jalan haram dengan menyeludupnya untuk dijual kepada yang berminat.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berkata, ternakan yang diseludup berisiko membawa penyakit sekiranya tidak melalui proses pemeriksaan dan kelulusan daripada jabatan itu.

Menurutnya, ia seterusnya meningkatkan risiko penyakit berjangkit seperti *Lumpy Skin Disease* (LSD), hawar berdarah, *Brucella* dan pelbagai lagi.

"Sebagai usaha membanteras penyeludupan haiwan korban dari luar negara, JPV mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa berkaitan untuk mempertingkatkan kawal selia di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

"Ia juga termasuk pemeriksaan di pintu masuk negara bagi menghalang kemasukan haiwan ternakan secara haram ke dalam negara.

"JPV menasihati penternak tempatan supaya tidak terbabit dengan aktiviti membawa masuk haiwan ternakan dengan cara salah.

"Masyarakat juga diminta supaya tidak mudah terpedaya dengan tawaran harga haiwan ternakan yang luar biasa murah," katanya.

Menurutnya, sebaik-baiknya, semak latar belakang, asal usul haiwan ternakan terbabit atau minta penjual mengemukakan permit pemindahan ternakan dan sijil kesihatan.

Selain itu, katanya, kenal pasti tag ternakan atau sebarang pengenalan untuk kepastian bahawa ternakan berkaitan sudah diperiksa JPV.

"Ini bukan sahaja dapat melindungi pembeli serta rakyat daripada ancaman penyakit zoonotik, malah melindungi sektor penternakan negara," katanya.

Sementara itu, katanya, bekalan ternakan korban untuk Aidiladha di seluruh Malaysia bagi tahun ini dijangka mencukupi bagi ternakan lembu/kerbau dan kambing/bebiri.

Menurut JPV, anggaran bekalan itu berdasarkan kepada bekalan lembu/kerbau dan kambing/bebiri yang sudah diimport dan ternakan tempatan sedia ada di seluruh negara pada masa ini.

JPV berkata, pihaknya menganggarkan lima peratus penyembelihan luar sembelih sebagai contoh di masjid atau surau membabitkan permintaan 1,776 ekor lembu atau kerbau dan 1,051 kambing atau bebiri.

"Dengan mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, bekalan ternakan untuk hari raya korban di seluruh Malaysia bagi tahun ini dijangka mencukupi.

"Berdasarkan anggaran bekalan ternakan iaitu 49,405 lembu atau kerbau, ia mencukupi untuk menampung anggaran permintaan iaitu sebanyak 38,384 lembu atau kerbau.

"Manakala 35,802 kambing atau bebiri, dijangka mencukupi menampung anggaran permintaan sebanyak 22,390 haiwan berkenaan," katanya.



JPV menasihati penternak tempatan supaya tidak terbabit dengan aktiviti membawa masuk haiwan ternakan dengan cara salah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Lembu sado harga kayangan jadi pilihan

Daging lebih banyak, rasa lebih sedap apabila dimakan

BACHOK

Memiliki keistimewaan tersendiri membuatkan lembu sado menjadi pilihan untuk dikorbankan pada Aidiladha meskipun ditawarkan pada 'harga kayangan' sehingga mencecah puluhan ribu ringgit seekor.

Penternak lembu sado, Noraimi Hasan, 53, atau lebih mesra dikenali Paksu Mie berkata, lembu bersaiz gergasi itu menjadi tarikan bukan sahaja disebabkan saiznya bahkan dagingnya lebih enak serta empuk apabila dimasak.

Noraimi berkata, setakat ini dua daripada sembilan ekor lembu sado miliknya yang berharga hampir RM11,000 dengan berat melebihi 700 kilogram (kg) telah dijual kepada pembeli di sekitar jajahan Kota Bharu untuk Aidiladha yang akan disambut pada 17 Jun ini.

"Kebiasaan lembu ini dijual pada harga sekitar RM1,300 hingga RM1,500 untuk satu bahagian bergantung kepada saiz lembu. Memandangkan saiznya yang besar ia memerlukan kira-kira lapan orang untuk menumbangkan lembu itu," katanya ketika ditemui di sini.



Noraimi bersama antara lembu sado miliknya ketika ditemui di Pantai Senok, Bachok.

LAPORAN KHAS

LAPORAN MUKA DEPAN

Bercerita lanjut, Noraimi yang berkecimpung dalam bidang ternakan lembu sado sejak enam tahun lepas berkata, beliau mula menternak lembu sado dari baka charolais dan limousine kerana harganya lebih tinggi berbanding lembu tempatan.

Beliau menggunakan modal sebanyak RM4,000 untuk membeli seekor lembu sado baka charolais bagi dijadikan induk sebelum ia membiak dan mampu memberi pulangan lumayan.

"Bagi memastikan pembiakan ternakan ini sentiasa ada, saya akan lakukan permanian beradas iaitu dengan memasukkan benih untuk proses pembiakan. Prosedur ini dilakukan menggunakan benih yang diimport dari negara Perancis dan Ireland.

"Saya akan dapatkan khidmat daripada kakitangan Jabatan Veterinar untuk melakukan proses berkenaan dan lembu betina itu akan bunting sekitar sembilan bulan selepas dimasukkan benih sebelum teknik berkenaan diulangi lagi selepas ia melahirkan anak," katanya.

Pembeli, Mohd Izwan Seman, 31, berkata, seakan menjadi rutin tahunan baginya sejak tiga tahun lepas memilih lembu sado untuk ibadah korban.

"Walaupun harganya lebih mahal berbanding lembu tempatan, namun saya berpuas hati dan merasakan berbaloi kerana daging yang diperoleh sangat banyak dan boleh diagihkan kepada ramai orang yang memerlukan," katanya. - *Bernama*

## 400 haiwan seludup dikesan ada penyakit

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu baru-baru ini mengesan dua kes penyakit brucellosis ke atas lebih 400 ekor lembu dan kambing yang dipercayai diseludup ke negara ini.

Pengarahnya, Dr Anum Man berkata, kes jangkitan brucellosis yang merupakan penyakit zoonotik boleh menjangkiti manusia itu merupakan yang pertama dikesan pihaknya, sejak saringan penyakit dilaksanakan terhadap ternakan seludup tahun lepas.

"Kes pertama melibatkan 300 ekor lembu yang ditangkap di Dungun pada bulan lepas (Mei) manakala kes kedua pula melibatkan 146 ekor kambing yang ditangkap di Setiu pada 23 Mei lalu.

"Kesemua haiwan yang disyaki diseludup dari Thailand itu telah disahkan positif jangkitan brucellosis dan kita telah kuarantin kesemua haiwan terbabit," katanya.

Dr Anum berkata, jangkitan brucellosis boleh menjangkiti manusia menerusi susu haiwan yang tercemar dan sentuhan langsung melalui luka rembesan daripada haiwan berpenyakit.

Menurutnya, penyakit itu akan menyebabkan individu antara lain mengalami demam dengan suhu tinggi dan berpanjangan, sakit kepala, lemah seluruh badan dan pada peringkat kronik boleh menyebabkan jangkitan pada organ dalaman termasuk saluran kencing.

Sehubungan itu, beliau menasihati masyarakat terutama pada musim Hari Raya Aidiladha ini supaya berhati-hati memilih haiwan untuk dijadikan korban.

Katanya, antara ciri haiwan yang telah dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah adalah dijual pada harga rendah berbanding pasaran. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Satu kes keracunan kupang di Melaka

**"Memang ada satu kes Hospital Alor Gajah dipercayai berkaitan kes keracunan kupang tetapi masih dalam siasatan lagi oleh Jabatan Perikanan sama ada ia sah atau sebaliknya."**

NGWE HEE SEM

**MELAKA:** Satu kes keracunan makanan dipercayai berkaitan kupang dilaporkan berlaku di negeri ini, Sabtu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, ia melibatkan seorang lelaki berusia 34 tahun yang dimasukkan ke Hospital Alor Gajah dekat sini untuk rawatan.

Jelasnya, tahap kesihatan mangsa dilaporkan stabil dan dijangka keluar dari hospital hari ini.

Ujarnya, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) masih menunggu pengesahan daripada Jabatan Perikanan sama ada kes berkenaan berpunca daripada pengambilan dwicengkerang itu.

"Memang ada satu kes di Hospital Alor Gajah dipercayai berkaitan kes keracunan kupang tetapi masih dalam siasatan lagi oleh Jabatan Perikanan sama ada ia sah atau sebaliknya. Pesakit dimasukkan ke wad sejak Sabtu lalu, namun sudah sihat dan akan keluar dalam waktu terdekat," katanya.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah dilaporkan berkata, analisis sampel air dan kupang di perairan Port Dickson, Negeri Sembilan mendapati kandungannya masih dicemari biotoksin berbahaya dan tidak dibenarkan untuk dimakan.

Menurutnya, analisis mendapati bacaan toksinnya sudah semakin berkurangan dan menghampiri kadar piawaian standard yang ditetapkan iaitu 800 per bilion (ppb).

April lalu, jualan hasil laut dwicengkerang seperti kerang dan kupang dari perairan Melaka dihentikan sementara selepas didapati tidak selamat untuk dimakan kerana terdapat biotoksin dan alga berbahaya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, langkah berjaga-jaga dari peringkat awal perlu diambil bagi mengelak kes keracunan makanan berlaku di Melaka sebagaimana terjadi di Port Dickson.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | SINAR HARIAN | MELAKA | 26 |

# Penternak rugi kupang tidak dapat dijual

## Rayu pihak kerajaan bantu mereka yang kehilangan sumber pendapatan

Oleh NOR FARHANA YA'ACOB
JASIN




Nelayan menunjukkan panggar kupang yang diangkat dari tempat ternakan tetapi tidak dapat dipasarkan.

Penternak kupang di Kuala Sebatu, Merlimau di sini, melahirkan kegusaran dan bakal berdepan muflis kerana pendapatan terjejas ekoran tidak dibenarkan untuk memasarkan kupang seperti mana arahan sebelum ini sejak lebih dua bulan lalu.

Larangan yang dikeluarkan sejak April lalu menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian mencecah ratusan ribu ringgit kerana tidak dapat menjual ribuan kupang dalam tempoh tersebut.

Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Jasin, Mohd Sah Hashim berkata, terdapat 33 panggar kupang yang terjejas termasuk 28 penternak atau pengusaha persendirian dan selebihnya di bawah persatuan.

Menurutnya, sebelum arahan itu mereka mampu memperoleh pendapatan mencecah hampir RM10,000 setiap bulan menerusi jualan 1,200 kilogram (kg) kupang di pasar tani berdekatan.

Mohd Sah mendakwa, sedangkan negeri bersempadan yang terletak hanya beberapa kilometer dari Melaka dibenarkan menjual kupang, namun mereka sebaliknya menyebabkan banyak kupang telah mati sebelum sempat dituai.

"Kami berharap pihak berwajib bantu kami serta jika ada tolonglah bagi pampasan sewajarnya dan harap kerajaan dapat membantu kesusahan kami," katanya.

Tambahnya, disebabkan arahan itu juga nelayan mengalami kekangan untuk menjual benih kupang yang sebelum ini sering dihantar ke negeri-negeri utara seperti Perak dan Kedah.

"Ramai yang membuat tempahan benih kupang tapi kami tak boleh membawa keluar hasil laut itu kerana kekangan arahan itu," katanya.

Nelayan, Johari Ismail, 60, berkata, dia yang turut sama terjejas simpati melihat nasib penternak lain terutama yang mempunyai ramai anak masih bersekolah.

Menurutnya, kebanyakan daripada meraka terpaksa melakukan pekerjaan lain termasuk membuat pukat, menjadi nelayan untuk meneruskan kehidupan.

"Dua bulan ini memang amat perit kerana tiada pendapatan dan simpanan kian menyusut.

"Macam saya umur dah 60 tahun nak kerja kilang pun dah tak boleh," katanya.

Sementara itu Pengarah Perikanan Negeri, Saufi Affandi Talib ketika dihubungi berkata, pihaknya masih memantau dan menjalankan pensampelan secara mingguan disebabkan paras plankton *Alexandrium sp* di perairan masih tinggi.

Menurutnya, setakat ini semua dwicengkerang seperti kupang, kerang, lokan dan lain-lain tidak selamat untuk dimakan.

"Oleh itu larangan bagi pengutipan hasil, pengedaran, penjualan termasuk memakannya bagi spesies tersebut masih berkuat kuasa," katanya.






## Satu kes disyaki keracunan kupang di Melaka

MELAKA - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka mengesahkan menerima kes keracunan makan disyaki berkaitan pengambilan kupang.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, kes melibatkan lelaki berusia 34 tahun dan dimasukkan ke Hospital Alor Gajah pada 8 Jun lepas.

"Ya, memang ada satu kes berkaitan keracunan kupang dilaporkan di Hospital Alor Gajah tapi belum dapat dipastikan dan masih dalam siasatan Jabatan Perikanan sama ada ia sah atau sebaliknya.

"Pesakit dimasukkan ke wad sejak Sabtu lepas dan sudah sihat serta akan dibenarkan pulang dalam tempoh terdekat," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

*Sinar Harian* pada April lalu melaporkan lapan individu terpaksa dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar Port Dickson.

Pengarah JKN Negeri Sembilan, Datuk Dr Harlina Abdul Rashid berkata, kejadian ini mula dikesan pada 1 April lalu apabila Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson menerima notifikasi dari Hospital Port Dickson.



JKN Melaka mengesahkan menerima kes keracunan makan disyaki berkaitan pengambilan kupang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | THE STAR | NEWS | 4 |

# Fish death mystery in Ipoh

## Hundreds of tilapia found dead at polo ground, MBI refers case to Fisheries Dept

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

SOME 200 tilapia fish have been found dead in the pond at the Sultan Abdul Aziz Recreational Park (Polo Ground) in Ipoh, Perak.

Ipoh mayor Datuk Rumaizi Baharin said the dead fish were first found on May 30 and the carcasses were cleared away by Ipoh City Council (MBI) workers on June 1.

"Initially a few died and then more were found floating in the pond.

"Only the tilapia were affected. We have yet to determine the cause," he said.

"We have referred the matter to the Kinta District Fisheries Department to identify the cause and advise us on the next course of action," said Rumaizi.

He said the dead fish had been buried and there were no plans to replace them.

Retired civil servant S. Param, 68, who jogs regularly in the park, said the dead fish had left a foul stench for a few days.

It only got better about two to three days ago, said Param.

"It is strange that only the tilapia have been affected while the ornamental fish and tortoises have not.

"A pump should be installed at the pond to provide proper aeration for the aquatic life.

"The water should also be tested once a month or every two months to ensure that there is no pollution," he added.

Param said the city council should set up a management committee that involved the public for all the city's public parks.

"With such a committee, we can provide feedback and lodge complaints to the city council.

"The committee can act as a bridge between the public and the authorities," he said.



Workers burying the dead tilapia at the Sultan Abdul Aziz Recreational park in Ipoh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# NAFAS umum kadar dividen sembilan peratus

## Potensi lestari ekosistem pelaburan peladang

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Dana Peladang Kebangsaan (DPK) di bawah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) perlu memperkenalkan produk pelaburan yang lebih menarik serta relevan bagi menarik pelaburan ahli dalam kalangan golongan muda.

Saranan itu dilontarkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu, yang mana berdasarkan profil keahlian, majoriti pelabur didapati adalah daripada kalangan ahli berusia 60 tahun ke atas berbanding ahli dalam usia pertengahan dan muda.

"Justeru, DPK perlu mencari satu kaedah baharu bagi menarik pelaburan ahli dalam kumpulan umur pertengahan dan muda. Pelaburan dalam teknologi hijau atau 'start-up' (pelaburan pemula) sebagai contoh, mungkin lebih dekat dan menarik minat golongan ini (pertengahan dan muda).

"Satu produk difikirkan boleh direka bentuk dengan struktur fleksibel dengan permulaan modal yang rendah sekali gus memudahkan akses kepada golongan ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pengumuman Dividen Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) - DPK Bagi Tahun 2023, di sini pada Isnin.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP yang menjalankan tugas KP LPP Amir Matamin, Pengerusi Jawatankuasa Pemandu DPK, Datuk Ali Shikh Ahmad dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin.

Terdahulu, Mohamad mengumumkan kadar dividen SPKP - DPK sebanyak sembilan peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Kadar dividen berkenaan membabitkan enam peratus dividen dan tiga peratus bonus untuk pelaburan RM50,000 pertama. Turut diumumkan tambahan satu peratus hibah untuk Akaun Simpanan Biasa Al-Wadiah DPK.

DPK mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM16.2 juta dengan keseluruhan agihan dividen dan bonus sebanyak RM12.2 juta bagi tempoh sama. Peratusan agihan pula adalah 76 peratus daripada keuntungan bersih yang memberi manfaat kepada 8,500 pelabur.

### Prestasi dan dividen

Dalam pada itu, Mohamad turut berpuas hati dengan prestasi DPK yang ketika ini mencapai jumlah aset berjumlah RM288 juta dengan pelaburan dalam sektor kewangan.

Prestasi itu katanya, membuktikan keberkesanan strategi pelaburan serta keupayaan unit perniagaan strategik peladang itu memberikan pulangan yang stabil serta kompetitif kepada para pelaburnya.

Pada masa sama, Mohamad menyifatkan, golongan umur pertengahan dan muda merupakan antara elemen penting kepada kelestarian ekosistem pelaburan peladang pada masa depan.

Memastikan kelestarian itu katanya, satu kempen pemasaran yang agresif dan relevan perlu dilaksanakan yang menyasarkan ahli-ahli golongan muda di samping meningkatkan lagi program pendidikan kewangan yang interaktif.

"Program pendidikan kewangan yang mudah difahami dan interaktif boleh dilaksanakan oleh DPK bagi meningkatkan pengetahuan kewangan di kalangan mereka (ahli-ahli muda)," jelas beliau.

Ujar Mohamad, NAFAS dan DPK perlu terus meneroka peluang pelaburan baharu, mengoptimumkan pengurusan tunai dan melakukan transformasi digital.

"Selain itu NAFAS dan DPK juga perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan, nilai tambah produk serta memperkasa pemasaran bagi mencapai matlamat strategik yang telah ditetapkan," ujarnya.

Pada masa sama, antara usaha-usaha lain kata Mohamad, ialah melaksanakan pengukuhan sistem tatakelola dan pentadbiran yang termaktub dalam Pelan Inovasi Keterjaminan Agro Makanan Rakyat (PINTAR) yang dilancarkan pada awal tahun ini.

### Kempen Go Invest

Sementara itu, Muhammad Faris berkata, DPK berjaya melaksanakan penambahan pelaburan sebanyak RM15.2 juta menerusi pelaksanaan Kempen Penambahan Pelaburan SPPK-DPK (Go Invest) pada pada Julai 2023 sehingga Mac tahun ini.

PPN Sarawak yang membuat penambahan sebanyak RM2 juta bagi tempoh itu telah dinobatkan sebagai penerima hadiah utama sekali gus membawa pulang RM5,000.

Sementara itu, PPN Pahang membuat penambahan RM1 juta dan RM300,000 bagi PP Kawasan (PPK) MADA E-IV Bukit Besar masing-masing berjaya merangkul tempat kedua dan ketiga serta membawa pulang hadiah berjumlah RM3,000 dan RM2,000.

Dalam pada itu, enam entiti direkodkan sebagai pelabur tertinggi SPKP-DPK melebihi RM3 juta iaitu NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri Selangor, PPK Hutan Melintang, PPK Kuala Selangor, PPK Seberang Perak dan PPN Sarawak.

"DPK juga sedang meneroka pelaburan baharu dalam portfolio pelaburan jangka pendek dan panjang selain terlibat dalam langganan Saham Tawaran Permulaan Awam (IPO)," jelas Muhammad Faris.

Pada masa sama, DPK turut menawarkan pembiayaan dan pelaburan usaha sama dengan jumlah terkumpul lebih RM25 juta meliputi projek pertanian seperti tanaman sawit dan fertigasi, stesen minyak, sewa beli jentera yang dapat dimanfaatkan oleh rangkaian PP dan ahli di seluruh negara.

Foto ROSLI TALIB




Mohamad (tengah) melancarkan pengumuman kadar dividen sembilan peratus SPKP-DPK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 di Putrajaya pada Isnin.




Mohamad (tengah) bersama Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar (enam dari kanan) dan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Ali Shikh Ahmad (enam dari kiri) bergambar bersama wakil pelabur tertinggi dari PPN dan PPK.

**REAKSI**



*"DPK mempunyai potensi besar untuk meraih keuntungan menyebabkan Pertubuhan Peladang berkeyakinan untuk melabur dengan jumlah tinggi."*

- Datuk Abdul Rahman Bakri, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Selangor.



*"Dengan hasil pulangan pelaburan DPK, kita telah menambah aset persatuan iaitu lot tanah sawah yang mana sebanyak 12 hektar sawah telah dimiliki."*

- Mehed Othmad, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan MADA E-IV Bukit Besar.